

**PERSIAPAN PENGURUSAN BENCANA TENTERA DARAT
MALAYSIA (TDM) BAGI MENGHADAPI BANJIR**

MEJAR HJ MOHD DAS BIN MD ISA TUDM

Kertas Akademik Ini Dikemukakan Kepada Pusat Pengajian Siswazah Pertahanan
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia Sebagai Memenuhi Sebahagian Daripada
Keperluan Untuk Sarjana Sains (Pengurusan Sumber)

Julai 2018

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti perancangan pengurusan banjir bagi anggota Tentera Darat Malaysia (TDM). Terdapat tiga objektif utama dalam kajian ini, iaitu (1) untuk mengenalpasti tahap persediaan menghadapi banjir dari segi perancangan pengurusan bencana iaitu antara faktor latihan bencana, perancangan logistik, perancangan atur gerak, komunikasi antara unit, maklumat perkembangan bencana dan penglibatan keanggotaan membantu mangsa; (2) untuk menguji model kesan langsung terhadap elemen-elemen perancangan pengurusan bencana iaitu antara faktor latihan bencana, perancangan logistik, perancangan atur gerak, komunikasi antara unit, maklumat perkembangan bencana dan penglibatan keanggotaan membantu mangsa dengan fasa persediaan menghadapi bencana dan (3) untuk menentukan pemboleh ubah yang paling mempengaruhi dalam persediaan menghadapi banjir berdasarkan elemen-elemen perancangan pengurusan bencana iaitu antara faktor latihan bencana, perancangan logistik, perancangan atur gerak, komunikasi antara unit, maklumat perkembangan bencana dan penglibatan keanggotaan membantu mangsa. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik yang diadaptasi daripada kajian-kajian terdahulu. Responden kajian yang telah dipilih menggunakan kaedah rawak yang melibatkan 16 pegawai dan 327 anggota pasukan tempur di bawah naungan pemerintahan Markas 8 Briged. Pakej perisian SPSS versi 22.0 telah digunakan untuk menganalisis data. Analisis deskriptif digunakan untuk menganalisis objektif pertama. Manakala, statistik inferensi menggunakan ujian korelasi Pearson digunakan untuk menganalisis objektif kedua. Akhirnya, objektif ketiga dianalisis menggunakan ujian regresi linear berganda. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap semua tujuh pemboleh ubah kajian ini berada pada tahap tinggi. Dapatan daripada analisis korelasi Pearson yang dijalankan menunjukkan bahawa terdapat hubungan linear positif antara latihan bencana; perancangan logistik; perancangan; komunikasi; maklumat perkembangan bencana; dan penglibatan keanggotaan membantu mangsa terhadap persediaan menghadapi banjir. Dapatan ujian analisis regresi linear berganda pula menyokong hanya tiga daripada enam pemboleh ubah didapati signifikan untuk menerangkan persediaan menghadapi banjir. Tiga pemboleh ubah tersebut adalah komunikasi, maklumat perkembangan bencana dan penglibatan keanggotaan membantu mangsa. Manakala, ujian regresi linear berganda tidak menyokong latihan bencana, perancangan logistik dan perancangan untuk menerangkan persediaan menghadapi banjir. Kesimpulannya, kajian ini memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai hubungan antara faktor perancangan menghadapi bencana (latihan bencana, perancangan logistik, perancangan atur gerak, komunikasi antara unit, maklumat perkembangan bencana dan penglibatan keanggotaan membantu mangsa) dalam persediaan menghadapi bencana banjir.

ABSTRACT

This study was conducted to identify flood management planning for members of the Malaysian Army (TDM). There are three main objectives in this study, namely (1) to identify the level of disaster preparedness in terms of disaster management planning ie disaster management, logistic planning, motion planning, inter-unit communication, disaster development information and membership involvement to assist victims; (2) to test the model of direct impact on disaster management planning elements ie between disaster training, logistic planning, motion planning, inter-unit communication, disaster development information and membership involvement to help victims with disaster preparedness phase and (3) to determining the most influential variables in flood preparedness based on elements of disaster management planning ie between disaster training, logistic planning, motion planning, inter-unit communication, disaster development information and membership involvement to assist victims. This study uses quantitative methods using the questionnaires adapted from previous studies. Respondents of the study were selected using random methods involving 16 officers and 327 combatant members under the auspices of government Headquarters 8 Brigades. The SPSS version 22.0 software package has been used to analyze data. Descriptive analysis is used to analyze the first objective. Meanwhile, inferential statistics using the Pearson correlation test is used to analyze the second objective. Finally, the third objective was analyzed using multiple linear regression tests. The findings show that the level of all seven variables of this study is high. The findings from the Pearson correlation analysis show that there is a positive linear relationship between disaster training; logistics planning; planning; communication; disaster development information; and membership involvement helps victims to prepare for flooding. The findings of double linear regression analysis showed that only three of the six variables were significant to explain the flood preparedness. The three variables are communication, disaster development information and membership involvement in assisting victims. Meanwhile, multiple linear regression tests do not support disaster training, logistic planning and planning to explain flood preparedness. In conclusion, this study provides a clearer picture of the relationship between disaster planning factors (disaster training, logistics planning, motion planning, inter-unit communication, disaster development information and membership involvement assisting victims) in the disaster preparedness.

PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah Tuhan sekalian alam, atas segala nikmatnya yang tiada terkira, selawat dan Salam buat junjungan mulia, Nabi Muhammad SAW serta ahli keluarganya dan para sahabatnya, juga kepada seluruh yang menuruti perjuangannya kerana Allah.

Saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah kerana dengan keizinan dan bantuanNya dapat saya menyiapkan tesis ini sebagai memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Sains (Pengurusan Sumber). Pada kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada **Prof Madya Dato' Dr Abdul Rahman bin Abdul Razak Shaik** selaku penyelia utama dan **Mej Prof Madya Dr Ahmad Azan bin Ridzuan (B)** penyelia kedua atas kesudian memberi tunjuk ajar, nasihat, bimbingan, berkongsi ilmu, kemahiran dan pengalaman serta menyumbang masa dan tenaga sehingga terhasilnya tesis ini dengan jayanya.

Seterusnya, ucapan jutaan terima kasih juga dipanjangkan kepada pihak Angkatan Tentera Malaysia dan Tentera Darat Malaysia, khususnya Jabatan Arah Infantri yang telah memberi peluang kepada saya untuk mengikuti program ini. Penghargaan ini juga saya ingin rakamkan buat semua pasukan dan Markas 8 Briged yang telah banyak memberi kerjasama, bantuan dan sokongan semasa saya menjalankan penyelidikan ini.

Ucapan penghargaan ini juga ingin saya tujukan buat arwah ayah, **Haji Md Isa bin Md Yatim** dan buat emak, **Hajah Mon binti Salam** serta ahli keluarga saya yang telah banyak memberi sokongan selama ini. Teristimewa buat isteri saya, **Hajah Rozainiwati binti Zakaria** yang telah banyak memberi sokongan dan galakan serta anak-anak yang memahami dan memberi semangat kepada saya sehingga berjaya. Terima kasih kerana telah banyak bersabar dan berkorban sepanjang saya mengikuti program ini. Jutaan terima kasih juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak memberi kerjasama, sokongan dan bantuan. Semoga kalian sentiasa memperoleh kebahagiaan dan kesejahteraan hidup serta dilindungiNya. Saya juga sentiasa berdoa agar keakhraban dan silaturrahim yang terjalin berkekalan.

Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan kepada mereka yang telah banyak memberi bantuan dan kerjasama sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menghasilkan tesis ini. Hanya Allah sahaja yang dapat membalas budi dan jasa baik kalian. Semoga usaha murni kita semua mendapat keberkatan daripada Allah SWT.

MEJAR HJ MOHD DAS BIN HJ MD ISA TUDM

PERAKUAN PEMERIKSA

Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Peperiksaan telah bermesyuarat untuk menjalankan pemeriksaan akhir **Mejar Hj Mohd Das Bin Hj Md Isa TUDM** dalam tesisnya yang bertajuk **Persiapan Pengurusan Bencana Tentera Darat Malaysia (TDM) Bagi Menghadapi Banjir**. Jawatankuasa ini mengesyorkan agar pelajar dianugerahkan Sarjana Sains (Pengurusan Sumber).

Ahli-ahli Jawatankuasa Peperiksaan adalah seperti berikut:

KOL FELO KANAN ABDUL LATIF BIN HARUN (BERSARA)

Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
(Pengerusi)

MEJAR DR HJ NOOR AZMI HJ MOHD ZAINOL

Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
(Pemeriksa Dalaman)

DR. ROSMAINI BIN TASMIN

Faculty of Technology Mgmt & Business
Universiti Tun Hussien Onn Malaysia
(Pemeriksa Luar)

PERAKUAN PENYELIA

Tesis ini dikemukakan kepada Senat Universiti Pertahanan Nasional Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Sarjana Sains (Pengurusan Sumber).

Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

PROF MADYA DATO' DR. ABDUL RAHMAN SHAIK

Fakulti Pengurusan dan Pengajian Pertahanan

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

(Penyelia Utama)

MEJAR PROF MADYA DR. AHMAD AZAN BIN RIDZUAN (B)

Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

(Penyelia Bersama)

PENGESAHAN TESIS

Nama Penuh Pengkaji: **Mejar Hj Mohd Das Bin Hj Md Isa TUDM**

Tajuk : **Persiapan Pengurusan Bencana Tentera Darat Malaysia (TDM) Bagi Menghadapi Banjir**

Sesi Akademik : **2015/2016**

Saya mengaku bahawa tesis ini diklasifikasikan sebagai:

- SULIT** (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*
- TERHAD** (Mengandungi maklumat terhad yang dispesifikasikan oleh organisasi kajian)*
- TERBUKA** Bersetuju bahawa tesis ini keseluruhannya diterbitkan secara terbuka dan atas talian.

Saya mengetahui bahawa pihak Universiti Pertahanan Nasional Malaysia mempunyai hak-hak seperti berikut:

1. Tesis ini merupakan hak milik Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia berhak untuk membuat salinan untuk tujuan penyelidikan sahaja.
3. Perpustakaan berhak untuk membuat salinan tesis ini untuk tujuan perkongsian akademik.

TANDATANGAN PELAJAR

690504-04-5669

(NO. KAD PENGENALAN)

Tarikh:

TANDATANGAN PENYELIA

PROF MADYA.DATO' DR. ABDUL RAHMAN SHAIK

(NAMA PENYELIA)

Tarikh:

Nota: Sekiranya tesis ini diklasifikasikan sebagai **SULIT** atau **TERHAD**, sila lampirkan surat daripada organisasi kajian menyatakan tempoh masa dan sebab diklasifikasikan sebagai sulit dan terhad.

ISI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	iv
PERAKUAN PEMERIKSA	v
PERAKUAN PENYELIA	vi
PENGESAHAN TESIS	vii
ISI KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI LAMPIRAN	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
BAB 1 Pengenalan	1
1.1 Pendahuluan	3
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	7
1.4 Tujuan Kajian	11
1.5 Objektif Kajian	11
1.6 Persoalan Kajian	12
1.7 Takrif Operasional	13
1.8 Kepentingan Kajian	16
1.9 Batasan Kajian	17
1.10 Organisasi Bab Kajian	18
1.11 Kesimpulan	19
BAB 2 Kajian Literatur	20
2.1 Pendahuluan	20
2.2 Takrif Konseptual	21
2.3 Kerangka Teoritikal dan Model Kajian	35
2.3.1 Teori Lima Faktor Kerangka Kerja Tindakan Hyogo	35
2.3.2 Teori Tingkah Laku yang Dirancang	40
2.3.3 Teori Pengurusan Kecemasan	43
2.3.4 Model Ekologikal Sosial	44
2.4 Kajian Literatur	47
2.4.1 Hubungan Latihan Bencana Dan Persediaan Menghadapi Bencana	47
2.4.2 Hubungan Perancangan Logistik Dan Persediaan Menghadapi Bencana	49
2.4.3 Hubungan Perancangan Aturgerak Dan Persediaan Menghadapi Bencana	50
2.4.4 Hubungan Komunikasi Antara Unit Dan Persediaan Menghadapi Bencana	51

2.4.5	Hubungan Maklumat Perkembangan Bencana Dan Persediaan Menghadapi Bencana	52
2.4.6	Hubungan Penglibatan Keanggotaan Membantu Mangsa Dan Persediaan Menghadapi Bencana	53
2.5	Kerangka Konseptual Kajian	55
2.6	Hipotesis Kajian	56
2.7	Kesimpulan	57
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	58
3.1	Pendahuluan	58
3.2	Reka Bentuk Kajian	59
3.3	Kaedah Pengumpulan Data	60
3.4	Persampelan Kajian	64
3.5	Kaedah Penganalisan Data	65
3.6	Kesimpulan	68
BAB 4	DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	70
4.1	Pendahuluan	70
4.2	Dapatan Kajian	71
4.3	Profil Kajian	71
4.4	Tahap Persediaan Menghadapi Banjir, Latihan Bencana, Perancangan Logistik, Perancangan Aturgerak, Komunikasi Antara Unit, Maklumat Perkembangan Bencana dan Penglibatan Keanggotaan Membantu Mangsa	77
4.5	Hubungan Antara Latihan Bencana, Perancangan Logistik, Perancangan Atur Gerak, Komunikasi Antara Unit, Maklumat Perkembangan Bencana Dan Penglibatan Keanggotaan Membantu Mangsa Dengan Persiapan Menghadapi Bencana	93
4.6	Pemboleh ubah Yang Menerangkan Persediaan Menghadapi Banjir	100
4.7	Perbincangan	103
4.8	Ringkasan Hasil Analisis Statistik Objektif Kajian	113
4.9	Kesimpulan	114
BAB 5	KESIMPULAN DAN CADANGAN	115
5.1	Pendahuluan	115
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	115
5.3	Limitasi Kajian	118
5.4	Implikasi Kajian	119
5.5	Cadangan Kajian Pada Masa Hadapan	125
5.6	Penutup	128

RUJUKAN	129
LAMPIRAN	138
A. Borang Soal Selidik	138
B. Data Analisis SPSS versi 22.0	146
C. Surat Kelulusan Menjalankan Kajian	148

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Tajuk	Halaman
1.1	Laporan Tahunan 2015/2016 Markas 8 Briged	8
3.1	Jumlah Soalan Mengikut Bahagian	61
3.2	Ujian Kebolehpercayaan Kajian Rintis	63
3.3	Pembahagian Skor Min	66
3.4	Nilai Pekali Korelasi (r)	67
4.1	Jantina	72
4.2	Pangkat	73
4.3	Jawatan	73
4.4	Penempatan Pasukan	74
4.5	Umur	75
4.6	Tempoh Perkhidmatan	75
4.7	Pendidikan	76
4.8	Pengalaman	77
4.9	Statistikal Diskriptif Untuk Semua Pemboleh Ubah	78
4.10	Hubungan Antara Latihan Bencana, Perancangan Logistik, Perancangan Atur Gerak, Komunikasi Antara Unit, Maklumat Perkembangan Bencana Dan Penglibatan Keanggotaan Membantu Mangsa Dengan Persediaan Menghadapi Bencana	94
4.11	Pekali Ramalan Bagi Model Regresi	102
4.12	Ringkasan Hasil Analisis Statistik Objektif Kajian	113

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Tajuk	Halaman
1.1	Carta Organisasi Batalion Infantri	6
2.1	Model ekologiikal Sosial	44
2.2	Kerangka Konseptual Kajian	55
5.1	Cadangan Kerangka Konseptual Kajian Akan Datang	128

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	Tajuk	Halaman
A	Borang Kajian Soal Selidik	138
B	Data Analisis SPSS 22.0	144
C	Surat Kelulusan Menjalankan Kajian	148

SENARAI SINGKATAN

ANOVA	Analysis of Variances
APBN	Agensi Pengurusan Bencana Negara
APMM	Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
ATM	Angkatan Tentera Malaysia
Bgd	Briged
LLP	Lain-lain Pangkat
IQR	Inter Quartile Range
JPM	Jabatan Perdana Menteri
MMR	Moderate Multiple Regresion
MKN	Majlis Keselamatan Negara
NADMA	Agensi Pengurusan Bencana Negara
OCQ	Organizational Commitment Questionnaire
OLS	Ordinary Least-Squares
PBA	Pihak Berkuasa Awam
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PTD	Panglima Tentera Darat
PTT	Pegawai Tidak Tauliah
RAMD	Rejimen Askar Melayu Diraja
RRD	Rejimen Renjer Diraja
RS	Rejimen Sempadan
SPSS	Statistical Packages for the Social Science
TDM	Tentera Darat Malaysia
TLDM	Tentera Laut Diraja Malaysia
TUDM	Tentera Udara Diraja Malaysia

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Malaysia merupakan salah satu negara yang amat bertuah kerana jarang mengalami bencana alam yang teruk sebagaimana berlaku di negara jiran iaitu seperti gempa bumi dan letusan gunung berapi (Daresah, 2012). Malangnya, pada tahun 2015, Malaysia dikejutkan dengan tragedi gempa bumi di Gunung Kinabalu, Sabah. Namun begitu, bencana alam yang kerap berlaku di Malaysia adalah banjir dan telah menjadi kebiasaan kepada penduduk di Malaysia mengalami bencana banjir pada setiap tahun. Akibat banyak kejadian banjir yang berlaku, pengalaman seperti ini telah menyebabkan penduduk membina rumah tinggi, membuat simpanan makanan, dan sebagainya. Pada zaman moden ini, kebanyakan tinggalan daripada nenek moyang dahulunya telah hilang ditelan arus kemodenan. Perkembangan yang pesat dan kurang perancangan dalam pembangunan sosial, ekonomi dan teknologi menjadi peransang kepada berlakunya bencana alam.

Pada akhir tahun 2014 dan awal tahun 2015, negeri Kelantan, Kedah, dan Johor merupakan negeri yang paling teruk dilanda banjir. Di negeri Kelantan, kawasan Pasir Mas dan Rantau Panjang merupakan kawasan yang paling teruk terjejas akibat banjir telah merosakkan sekolah-sekolah, rumah-rumah dan harta benda awam. Banjir pada kali ini adalah luar biasa kerana hujan lebat yang turun tanpa henti dalam masa yang singkat telah menyebabkan banjir berlaku dengan pantas dan penduduk tidak sempat untuk menyelamatkan harta benda (Rosli, 2015). Sehubungan dengan itu, pihak kerajaan telah mengambil inisiatif dengan menyediakan pusat pemindahan mangsa banjir yang selesa dan menyediakan simpanan keperluan makanan yang cukup. Keadaan ini dapat dilihat melalui penglibatan sendiri Ahli Parlimen Kemaman, YB Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek dalam memberikan bantuan dan perkhidmatan dalam operasi menyelamatkan dan memberikan bantuan kepada mangsa banjir. Selain itu dalam satu insiden lain iaitu Menteri Besar Terengganu, YAB Dato Seri Ahmad Said sendiri telah mengagihkan bekalan roti kepada penduduk yang terperangkap disebabkan banjir. Keadaan ini menunjukkan bahawa pihak kerajaan sangat prihatin dalam menitikberatkan soal kebajikan dan keperluan rakyat terutamanya ketika berlaku bencana banjir.

Manakala di Pahang, Perdana Menteri YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak sendiri telah melakukan tinjauan banjir ke seluruh negeri khususnya daerah Pekan, Kuantan dan Rompin yang terjejas teruk akibat banjir. Sebanyak 4,751 mangsa banjir yang ditempatkan di pusat pemindahan di Pekan yang mencatatkan

jumlah mangsa tertinggi sebanyak 3,602 orang, Kuantan 736 orang, dan Maran 413 orang (Nurul Husaif, 2014). Keperihatinan Perdana Menteri terhadap musibah yang menimpa rakyat ini amat di hargai kerana beliau sendiri telah turun padang melawat mangsa banjir di samping memberikan bantuan serta sokongan moral.

Rentetan itu, satu laporan telah dikemukakan kepada Perdana Menteri mengenai aduan, cadangan serta tindakan bersepadu dalam menangani bencana. Malaysia sangat bertuah kerana mempunyai ramai dermawan dan sukarelawan daripada pelbagai agensi, institut pengajian tinggi serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang juga turun padang membantu dari segi membersihkan kawasan perumahan yang terjejas akibat bencana tersebut. Semangat kerjasama ini yang dilihat sangat membanggakan kerana bantuan dan sumbangan diberikan kepada semua mangsa yang terjejas tanpa membezakan pandangan politik kepartian yang disokong.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN


Kerajaan telah menubuhkan Agensi Pengurusan Bencana Negara (APBN) pada tahun 2015 bagi menyelaras dan mengurus bantuan bencana dalam negara dengan lebih teratur dan efektif. APBN yang merupakan sebuah agensi baharu di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah mengambil alih tugas dan peranan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dalam penyelarasan dan pengurusan bencana. Angkatan Tentera

Malaysia (ATM) merupakan salah satu organisasi yang terlibat dalam program ini apabila bencana alam melanda di Malaysia.

ATM terdiri daripada Tentera Darat Malaysia (TDM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM). TDM telah ditubuhkan pada 1 Mac 1933 dengan peranan utamanya untuk mempertahankan kedaulatan dan keutuhan negara daripada sebarang ancaman luar dan dalam negara (Profil Ketenteraan, 2000). TDM ditunjangi oleh beberapa Divisyen, Briged, Rejimen dan Kor yang dikategorikan sebagai kumpulan tempur, kumpulan bantuan tempur dan kumpulan bantuan khidmat.

Briged Ke-8 Infantri Malaysia (8 Bgd) yang berpangkalan di Kota Bharu, Kelantan merupakan salah sebuah formasi tempur di bawah ketumbukan di bawah Pemerintahan Markas 2 Divisyen (Mk 2 Div) di dalam TDM. Ketumbukan 8 Bgd mempunyai tiga buah elemen pasukan tempur (Batalion Infantri ataupun Rejimen). Selain itu, juga mempunyai elemen bantuan tempur dan elemen bantuan khidmat seperti Artileri, Semboyan, Polis Tentera, Risik, Jurutera, Ordnan dan Detasmen Bantuan Ringan Kor Jurutera Letrik dan Jentera. Tugas dan peranan 8 Bgd adalah bertanggungjawab untuk mempertahankan sektor Kawasan Tanggungjawab (KTJ) Zon Timur merangkumi Kelantan/Terengganu serta membantu Pihak Berkuasa Awam (PBA) dalam ketenteraman awam dan bencana alam.

Namun, kajian ini akan dilakukan fokus kepada TDM yang berpangkalan di Pantai Timur terutamanya di Kelantan. Hal ini kerana segala pergerakan dan perubahan mudah diketahui jika kawasan kajian berada berdekatan dan mudah untuk akses. Terdapat tiga (3) buah elemen pasukan tempur (Batalion Infantri) di bawah naungan 8 Briged adalah Batalion Ke 16 Rejimen Askar Melayu Diraja (16 RAMD), Batalion Ke 5 Rejimen Renjer Diraja (5 RRD) dan Batalion Ke 21 Rejimen Askar Melayu Diraja (21 RAMD). Batalion Infantri diketuai oleh seorang Pegawai Memerintah yang memiliki beberapa kompeni, manakala kompeni pula mempunyai platon dan seksyen. Setiap kompeni, platon dan seksyen diperintah oleh Ketua Kompeni, Ketua Platon dan Ketua Seksyen. Ketua Kompeni dan Ketua Platon merupakan pegawai bertauliah yang dikategorikan sebagai pemimpin pertengahan, manakala ketua seksyen pula merupakan Pegawai Tidak Tauliah (PTT) yang dikategorikan sebagai pemimpin rendah (Jasvinder, Mohd Anwar & Ruslan, 2001; Noor Azmi, 2014). Secara umumnya, organisasi dalam sesebuah batalion infantri adalah seperti di **Rajah 1.1**.



Rajah 1.1: Carta Organisasi Batalion Infantri

(Sumber: MP 1.1.9A TD Batalion Infantri Standard, 2015)

Walau bagaimanapun, terdapat sedikit perbezaan carta organisasi di antara sebuah batalion dengan batalion yang lain berdasarkan peranan tugas seperti batalion parasut, mekanis dan sebagainya. Dalam konteks TDM, bentuk hubungan di antara pemimpin dan anggota bawahan adalah formal kerana berdasarkan autoriti jawatan dalam hierarki organisasi (Aizzat, Intan & Zainal, 2006; Anwar, 2007; Jaafar, 2010; Noor Azmi, 2014; Yulk, 2008). Ini seiring dengan matlamat kepimpinan TDM iaitu “Menjadi Tentera Darat *total* dengan pemimpin di semua peringkat mempunyai *standard* etika dan profesional yang paling tinggi serta komited kepada pencapaian misi dan kesejahteraan anggota-anggota bawahan”. Selain itu, komitmen yang tinggi dari segi konseptual, fizikal dan moral adalah faktor penentu kepada usaha memartabatkan etos ketenteraan ini agar ketumbukan TDM terus unggul dan disegani (Raja Mohamed Affandi, 2013).

1.3 PENYATAAN MASALAH

Di Malaysia, bencana banjir sememangnya tidak dapat dielakkan ketika musim tengkujuh tiba setiap tahun. Pelbagai pendekatan dan perancangan telah pihak kerajaan laksanakan namun pelaksanaan menghadapi bencana banjir oleh TDM dalam membantu pihak kerajaan untuk membantu mangsa-mangsa banjir didapati kurang efektif seperti yang dirancang dalam mesyuarat koordinasi seperti yang telah dilaporkan dalam laporan pasca banjir markas 8 Briged 2015 hingga 2016 (Markas 8 Briged, 2015).

Sesebuah pasukan tempur memerlukan pemimpin dan juga anggota yang bukan sahaja berupaya memenuhi matlamat berdasarkan situasi, tuntutan mahupun keperluan organisasi TDM. Komitmen pegawai dan anggota yang tinggi sangat diperlukan dalam sebuah pasukan tempur, kerana pegawai dan anggota yang memiliki komitmen tinggi akan mempamerkan sikap dan tingkah laku yang profesional dan proaktif dalam melaksanakan tugasannya.

Jadual 1.1: Laporan Tahunan 2015/2016 Markas 8 Briged

Tahun	Bil.	Kelemahan-kelemahan
2015	1	Sukar membuat koordinasi Ops Menyelamat Banjir
	2	Tiada penyatuan tugas dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) antaranya Polis Diraja Malaysia (PDRM), Bomba dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM).
	3	Masalah komunikasi di mana terputusnya sistem perhubungan talian telefon yang menyukarkan penyampaian maklumat dan operasi menyelamat.
2016	1	Tiada penyatuan tugas dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) antaranya Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Bomba dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM).
	2	JPAM dan Bomba mempunyai penugasan yang tidak tertumpu pada operasi bencana banjir sahaja.

	3	Pasukan 5 RAD merupakan pasukan yang turut serta dalam membantu Ops Murni di Kelantan dan Terengganu, namun begitu pasukan mempunyai peralatan perairan yang terhad dan ia menyukarkan untuk melaksanakan tugas menyelamat secara optimum.
	4	Bot-bot penyelamat serta OBM yang diberikan tidak mampu untuk melaksanakan tugas menyelamat untuk jangka tempoh masa yang panjang disebabkan keadaan peralatan yang telah lama dan mudah rosak.
	5	Ketiadaan enjin OBM berkuasa tinggi. Pergerakan bot tempur yang agak terhad memandangkan enjin bot yang sedia ada berkuasa rendah dan agak sukar untuk melaksanakan tugas menyelamat di kawasan yang mempunyai arus yang deras.

6	Peralatan lampu yang terhad terutamanya lampu jenis <i>rechargeable</i> yang boleh diaturgerakkan di waktu malam.
7	Ketiadaan kenderaan pembawa bot (Trailer) untuk mempercepatkan aturgerak serta operasi menyelamatkan.

(Sumber: Sel Tadbir, Markas 8 Briged, 2015)

Berdasarkan kepada **Jadual 1.1** di atas, Laporan Tahunan 2015 dan 2016 yang dikeluarkan oleh Markas 8 Briged mendapati beberapa kelemahan telah dikenal pasti berlaku dalam pasukan di bawah naungannya. Selain itu, melalui pemerhatian dan perbualan pengkaji dengan beberapa pegawai dan anggota menunjukkan bahawa antara sebab kurangnya perancangan latihan bencana pengurusan bencana yang disediakan untuk semua peringkat anggota. Tambahan pula, bencana banjir yang melibatkan tiga negeri (Kelantan, Terengganu dan Pahang) sekali serentak, dapat dilihat bantuan tidak dapat disalurkan dengan lancar dan mangsa bencana tidak dapat diselamatkan dengan pantas.

Dalam hal ini, kajian ini tidak sama dengan kajian terdahulu kerana skop kajian lebih memberi tumpuan terhadap penerokaan kesediaan menghadapi bencana dan perancangan latihan bencana pengurusan bencana disediakan untuk semua peringkat anggota (latihan bencana, perancangan logistik, perancangan atur gerak, komunikasi antara unit, maklumat perkembangan bencana dan penglibatan keanggotaan membantu mangsa). Selain itu, ia juga menganalisis persepsi pegawai dan anggota dalam organisasi TDM. Oleh hal yang sedemikian, penemuan dan

pemerhatian pengkaji di atas, mewajarkan kupasan terperinci tentang faktor-faktor perancangan latihan pengurusan bencana disediakan untuk semua peringkat anggota yang mempengaruhi persediaan menghadapi bencana terutamanya banjir bagi pegawai dan anggota.

Persoalannya, apakah faktor-faktor perancangan latihan pengurusan bencana disediakan untuk semua peringkat anggota (latihan bencana, perancangan logistik, perancangan atur gerak, komunikasi antara unit, maklumat perkembangan bencana dan penglibatan keanggotaan membantu mangsa) yang mempengaruhi persediaan menghadapi bencana? Apakah terdapat hubungan faktor-faktor perancangan latihan pengurusan bencana disediakan untuk semua peringkat anggota (latihan bencana, perancangan logistik, perancangan atur gerak, komunikasi antara unit, maklumat perkembangan bencana dan penglibatan keanggotaan membantu mangsa) yang mempengaruhi persediaan menghadapi bencana? Justeru, persoalan-persoalan ini mendorong pengkaji untuk mengenal pasti kesan dan hubungan faktor-faktor perancangan latihan pengurusan bencana disediakan untuk semua peringkat anggota (latihan bencana, perancangan logistik, perancangan atur gerak, komunikasi antara unit, maklumat perkembangan bencana dan penglibatan keanggotaan membantu mangsa) yang mempengaruhi persediaan menghadapi bencana anggota TDM dengan lebih mendalam dan terperinci.

1.4 TUJUAN KAJIAN

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor latihan bencana, perancangan logistik, perancangan atur gerak, komunikasi antara unit, maklumat perkembangan bencana dan penglibatan keanggotaan membantu mangsa) yang mempengaruhi persediaan menghadapi banjir anggota TDM dalam batalion infantri di bawah naungan 8 Briged.

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Dalam konteks masalah yang dibincang di atas, kajian ini dilakukan adalah:

- 1) Untuk mengenalpasti tahap persediaan menghadapi banjir dari segi perancangan pengurusan bencana iaitu antara faktor latihan bencana, perancangan logistik, perancangan atur gerak, komunikasi antara unit, maklumat perkembangan bencana dan penglibatan keanggotaan membantu mangsa.
- 2) Untuk menguji model kesan langsung terhadap elemen-elemen perancangan pengurusan bencana iaitu antara faktor latihan bencana, perancangan logistik, perancangan atur gerak, komunikasi antara unit, maklumat perkembangan bencana dan penglibatan keanggotaan membantu mangsa dengan fasa persediaan menghadapi bencana.
- 3) Untuk menentukan pemboleh ubah yang paling mempengaruhi dalam persediaan menghadapi banjir berdasarkan elemen-elemen perancangan